AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

Suntikan percuma ditawarkan di Klinik Kesihatan

# Vaksin PCV, 1 Disember

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Pemberian vaksin pneumokokal konjugat (PCV) di bawah Program Imunisasi Kebangsaan bagi kanak-kanak di semua Klinik Kesihatan Kementerian Kesihatan (KKM) bermula 1 Disember ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, vaksin tersebut diberikan untuk mencegah penyakit disebabkan jangkitan bakteria *Streptococcus pneumoniae* atau *pneumokokus*.

"Antara penyakit disebabkan oleh bakteria ini adalah radang paru-paru (pneumonia), radang sinus (sinusitis) dan radang selaput otak.

"Pada masa sama, komplikasi penyakit pneumokokal termasuk cacat pendengaran, kecacatan otak dan kematian," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, pemberian vaksin itu bertujuan mengurangkan kadar morbiditi dan mortaliti akibat penyakit pneumokokal dalam kalangan kanak-kanak bawah lima tahun, seterusnya dapat mengurangkan kos rawatan penyakit dan komplikasinya.

"Pemberian vaksin pneumokokal adalah kaedah paling berkesan untuk menghalang jangkitan bakteria pneumokokus dan secara tidak langsung mengurangkan kerintangan terhadap antibiotik," ujarnya.

Noor Hisham berkata, tiga dos vaksin PCV akan diberikan iaitu dua dos primer pada usia empat bulan dan enam bulan, diikuti dengan satu dos penggalak (booster) ketika 15 bulan.

Justeru, katanya, kanak-kanak yang lahir pada 1 Januari 2020 dan seterusnya layak menerima suntikan vaksin pneumokokal di Klinik Kesihatan.

Menurutnya, bagi kanak-kanak yang lahir pada 1 Januari lalu dan seterusnya yang telah berumur 5 bulan atau lebih, jadual imunisasi akan disesuaikan mengikut umur oleh fasiliti kesihatan KKM," jelasnya.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, kanak-kanak lahir bermula 1 Januari 2020 dan mereka yang telah mengambil satu atau dua dos suntikan vaksin itu di fasiliti kesihatan swasta boleh melengkapkan jadual imunisasi di fasiliti kesihatan swasta atau Klinik Kesihatan.

Beliau menambah, pemantauan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di peringkat global menunjukkan sehingga 30 Jun, terdapat 156 negara telah menyenaraikan PCV di dalam Program Imunisasi Kebangsaan mereka.

Menurutnya, seperti vaksin lain dalam Program Imunisasi Kebangsaan, vaksin pneumokokal berkesan dan selamat.

**KANAK-KANAK boleh mendapatkan vaksin PCV di semua klinik kesihatan kementerian bermula 1 Disember.** – GAMBAR HIASAN

**Vaksin PCV**

- Diberi mulai 1 Disember
- Kanak-kanak lahir 1 Januari 2020 layak terima
- Tiga dos diberikan pada kanak-kanak berusia empat, enam serta 15 bulan
- Cegah penyakit saraf tunjang (meningitis), radang paru-paru, radang sinus dan kecacatan otak
- Halang jangkitan bakteria pneumokokus dan mengurangkan kerintangan terhadap antibiotik